

12 JUL 1999
Zaharah-PAS
PEMIMPIN PAS BERCAKAP SEPERTI "TIN KOSONG"

KEMAMAN, 12 Julai (Bernama) -- Sikap pemimpin-pemimpin PAS yang hanya pandai bercakap, membuat fitnah dan tohmahan kepada kerajaan Barisan Nasional (BN) diibaratkan sebagai "tin kosong".

Ketua Pergerakan Wanita Umno Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman berkata PAS hanya tahu mengeluarkan fitnah dan kata-kata yang tidak bertanggungjawab sedangkan kerajaan BN telah banyak membangunkan dan memartabatkan bangsa Malaysia sehingga diiktiraf di peringkat antarabangsa.

"Mereka (pemimpin PAS) asyik dengan retoriknya sahaja dan menuduh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dan ini sedangkan Dr Mahathir banyak membangun negara dan memartabatkan agama Islam itu sendiri sehingga menjadi kukuh dan kuat.

"Kalau mereka kata Dr Mahathir sebagai firaun, pemimpin merekalah yang sebenarnya firaun dengan membuat tuduhan-tuduhan yang tidak bertanggungjawab," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke Kompleks Petronas Wilayah Timur dekat Kertih, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Presiden PAS, Datuk Fadzil Noor, yang mendakwa Dr Mahathir cuba meniru pemerintahan Firaun dengan membina kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya.

Siti Zaharah berkata rakyat sudah matang untuk membuat pemilihan pemimpin yang hanya mempunyai matlamat membangunkan negara dan bertanggungjawab bukannya hanya bercakap tetapi tidak mempraktikkan apa yang dicakapkannya.

Beliau juga mengingatkan rakyat di negara ini supaya mengekalkan kestabilan dan keamanan yang dikecapi selama ini bagi memastikan jaminan keselamatan kepada penduduknya.

Ketika ditanya mengenai perhimpunan bekas pemimpin-pemimpin PAS Besut, yang dipecat di Gong Kemuntong, Besut malam esok, beliau berkata perhimpunan itu adalah untuk menyatakan ketidapuasan hati anggota PAS itu sendiri terhadap pimpinan parti yang ada sekarang.

Menurutnya ia menunjukkan banyak tingkah laku pemimpin PAS yang tidak disenangi oleh anggotanya dan menunjukkan bekas anggotai PAS matang untuk menilai kepimpinan parti itu.

Siti Zaharah juga berkata satu perhimpunan Wanita BN akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 21 Julai ini dan Dr Mahathir akan memberikan amanatnya kepada semua pemimpin-pemimpin wanita parti komponen itu.

"Perhimpunan itu juga adalah untuk memantapkan lagi persediaan wanita BN menghadapi pilihan raya di samping menggerakkan jenteranya secara berkumpulan bagi memberikan penerangan kepada rakyat mengenai isu semasa," katanya.

Menurutnya semua ketua-ketua Wanita BN peringkat pusat dan negeri akan menghadiri perhimpunan itu sebelum mereka kembali ke tempat mereka untuk memberikan penerangan di peringkat akar umbi.

-- BERNAMA
SBS NAK